

SKM – BSP/Federasi/GP	GP20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI	1 / 21
--------------------------	--	--------



GP 20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI

BAHAGIAN A: PENGENALAN

Tujuan

Tafsiran

Latar Belakang

BAHAGIAN B: PENUBUHAN DAN PENDAFTARAN FEDERASI KOPERASI

Objektif

Permohonan Penubuhan Federasi Koperasi

Permohonan Pendaftaran Federasi Koperasi

BAHAGIAN C: ORGANISASI DAN TADBIR URUS

BAHAGIAN C: KEPERLUAN MODAL

Sumber Wang

SKM – BSP/Federasi/GP	GP20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI	2 / 21
--------------------------	--	--------

BAHAGIAN D: ORGANISASI DAN TADBIR URUS

Tadbir Urus Korporat

Komposisi dan Kelayakan Anggota Lembaga

Hilang kelayakan sebagai anggota Lembaga

Pelantikan Jawatankuasa Audit Dalam

Saraan

BAHAGIAN E: KEPERLUAN KAWAL SELIA

Pengurusan Risiko

Operasi

Pemeliharaan Kerahsiaan

Pembatalan Sebagai Federasi

Pemakaian dan Tarikh Kuatkuasa

SKM – BSP/Federasi/GP	GP20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI	3 / 21
--------------------------	--	--------

BAHAGIAN A: PENGENALAN

TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta 502). Ia bertujuan untuk menggariskan keperluan khusus serta syarat kelulusan bagi penubuhan dan pengoperasian sesebuah federasi.

TAFSIRAN

2. Dalam garis panduan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain-

“Federasi” merujuk kepada koperasi menengah atau atasan yang didaftarkan di bawah seksyen 4 Akta yang mewakili koperasi untuk setiap sektor ekonomi yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

“Apex” merujuk kepada mana-mana koperasi menengah atau atasan yang telah diisytiharkan oleh Menteri sebagai badan yang mewakili pergerakan koperasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

LATAR BELAKANG

3. Gerakan koperasi di Malaysia perlu diperkasakan seiring dengan arus perkembangan semasa yang bergerak pantas ke alaf baharu dan era digital agar tidak ketinggalan dalam menghadapi cabaran baharu dalam ekonomi. Gerakan koperasi berperanan sebagai pemangkin (*catalyst*) kepada pertumbuhan sosio-ekonomi Malaysia yang seimbang, inklusif, progresif dan mampan.

SKM – BSP/Federasi/GP	GP20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI	4 / 21
--------------------------	--	--------

4. Bagi menyuntik tenaga baharu dan mentranformasikan gerakan koperasi ke tahap yang lebih mantap dan profesional serta menjadi penyumbang signifikan kepada KDNK negara, suatu dokumen strategik dilancarkan iaitu Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TRANSKOM) 2021-2025.

5. Sehubungan itu, penubuhan Federasi melalui gabungan di kalangan koperasi-koperasi wajar dilaksanakan kerana pengumpulan modal, kepakaran dan tenaga membolehkan koperasi melibatkan diri dalam aktiviti lain pada skala yang lebih besar dan seterusnya dapat memperkukuhkan daya saing sesebuah koperasi berlandaskan prinsip koperasi.

6. Pemerkasaan koperasi menerusi Federasi yang mewakili pergerakan adalah salah satu inisiatif strategi kepada gerakan koperasi dalam menghadapi arus pemodenan dalam dunia perniagaan yang semakin mencabar pada masa kini. Menggalakkan amalan prinsip ke-enam, Prinsip Berkoperasi dalam gerakan koperasi, iaitu bekerjasama di antara koperasi dan seterusnya berkeupayaan bersaing di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

BAHAGIAN B: PENUBUHAN DAN PENDAFTARAN FEDERASI

PENGIKTIRAFAN FEDERASI

7. Pendaftaran Federasi ini sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya merupakan sebuah koperasi yang diiktiraf Suruhanjaya bagi mewakili setiap sektor ekonomi.

OBJEKTIF

8. Pewujudan Federasi ini dapat mencapai objektif sebagaimana berikut –

SKM – BSP/Federasi/GP	GP20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI	5 / 21
--------------------------	--	--------

- (a) menyatukan semua koperasi yang menjalankan aktiviti di bawah sektor ekonomi;
- (b) memperjuang, mengawasi dan menjaga kepentingan serta pembangunan koperasi anggota; dan
- (c) menyediakan khidmat nasihat, kursus dan pendidikan selaras dengan dasar yang digubal oleh Suruhanjaya bagi memperkasakan sektor ekonomi.

PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB

9. Mana-mana Federasi hendaklah menjalankan peranan dan tanggungjawab seperti berikut –

- (a) Membantu koperasi anggota dalam menyediakan prasarana berstruktur termasuk prosedur kerja, pengurusan kewangan, modal insan dan komunikasi untuk keberkesanan operasi;
- (b) Menyediakan khidmat nasihat teknikal, latihan, sokongan dan kewangan untuk pengukuhan koperasi (*Impactful facilitator*);
- (c) Meningkatkan tahap profesionalisme koperasi melalui penerapan tadbir urus korporat;
- (d) Menyokong aspirasi Apex dalam mencapai gambaran strategik masa depan gerakan koperasi;
- (e) Menyediakan jaringan dan peluang perniagaan ekonomi berskala bagi mencapai manfaat kos melalui kecekapan operasi dan pengurusan;

SKM – BSP/Federasi/GP	GP20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI	6 / 21
--------------------------	--	--------

- (f) Mengharmonisi operasi dalam kalangan koperasi anggota;
- (g) Melaksanakan pelan strategik untuk pembangunan sektor ekonomi; dan
- (h) Berkolaborasi dengan Suruhanjaya dan Apex untuk membangun dan memperkasakan sektor ekonomi.

AKTIVITI

10. Federasi hendaklah menjalankan aktiviti berikut bagi menjaga kepentingan anggota, termasuklah—

- (a) Menyelaraskan program pembangunan dan pengawalseliaan bagi semua koperasi yang menjalankan aktiviti di bawah sektor ekonomi;
- (b) Menjadi pengantara dan pemudahcara antara koperasi di bawah sektor ekonomi dengan badan yang mewakili gerakan koperasi di peringkat negara, antarabangsa serta Suruhanjaya;
- (c) Menganjurkan kongres, konvensyen, perhimpunan, bengkel, taklimat, seminar, kumpulan belajar, lawatan sambil belajar, kursus, ceramah dan sebagainya bagi memperkasakan sektor ekonomi koperasi di Malaysia;
- (d) Memperjuangkan, mengawasi dan menjaga kepentingan serta pembangunan koperasi anggota;
- (e) Memperoleh dan menyelaraskan laporan sektor ekonomi koperasi bagi kegunaan dan faedah koperasi anggota, badan mewakili gerakan (Apex) serta Suruhanjaya;

SKM – BSP/Federasi/GP	GP20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI	7 / 21
--------------------------	--	--------

- (f) Menggembleng sumber modal sektor ekonomi koperasi melalui platform pembiayaan yang disenggara oleh federasi koperasi; dan
- (g) Aktiviti-aktiviti lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

PERMOHONAN PENUBUHAN FEDERASI KOPERASI

11. Mana-mana koperasi yang memohon untuk menjadi Federasi hendaklah sekurang-kurangnya—

- (a) **lima** koperasi asas;
- (b) **dua** koperasi menengah; atau
- (c) **satu** koperasi menengah dan **dua** koperasi asas.

12. Permohonan bagi penubuhan sesebuah Federasi hendaklah mengikut prosedur sepertimana yang dinyatakan dalam GP12 : Garis Panduan PraPendaftaran (Pindaan) 2021.

13. Kelayakan menjadi anggota Federasi tertakluk kepada:

- (a) koperasi asas yang diperuntukkan di bawah subseksyen 4(1) Akta, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta;
- (b) koperasi menengah yang diperuntukkan di bawah subseksyen 4(2) Akta, sebagaimana yang ditakrifkan menurut seksyen 2 Akta; dan
- (a) telah didaftarkan dan berstatus aktif serta aktiviti koperasi anggota hendaklah selaras dengan aktiviti Federasi Koperasi.

SKM – BSP/Federasi/GP	GP20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI	8 / 21
--------------------------	--	--------

PERMOHONAN PENDAFTARAN FEDERASI

14. Perkataan **“Federasi Koperasi”** hendaklah menjadi sebahagian daripada nama atau jenama federasi dan perkataan **“Berhad”** menjadi perkataan terakhir dalam nama sesuatu Federasi setiap sektor ekonomi yang ditentukan . Manakala perkataan **“Malaysia”** hendaklah diletakkan sebelum perkataan Berhad sebagai identiti yang menggambarkan kawasan operasi seluruh Malaysia.

15. Maklumat berikut hendaklah dikemukakan semasa permohonan pendaftaran federasi –

- (a) **pelan perancangan perniagaan sekurang-kurangnya tiga tahun yang akan datang** dengan menyatakan keupayaan Federasi Koperasi dari segi kepakaran dan penggemblerangan sumber dana yang akan digunakan untuk menyumbang kepada pembangunan gerakan koperasi;
- (b) **maklumat calon anggota Lembaga hendaklah mematuhi prosedur yang digariskan dalam GP3: Garis Panduan Pelantikan Atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi (Pindaan) 2012** dan memenuhi kriteria kelayakan seperti di para 26 - 29.

16. Suruhanjaya boleh secara bertulis pada bila-bila masa menghendaki maklumat tambahan dan menetapkan syarat-syarat tambahan sekiranya perlu bagi pendaftaran Federasi.

BAHAGIAN C: KEPERLUAN MODAL

17. Federasi hendaklah –

SKM – BSP/Federasi/GP	GP20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI	9 / 21
--------------------------	--	--------

- (a) mempunyai suatu jumlah modal permulaan minimum berasaskan Kumpulan Wang Anggota yang ditentukan oleh Suruhanjaya; dan
- (b) menyenggara modal minimum ini tanpa terjejas oleh kerugian pada setiap masa.

SUMBER WANG

18. Wang sesuatu Federasi boleh diperdapatkan melalui mana-mana atau kesemua yang berikut:

- (a) fi masuk;
- (b) fi tahunan;
- (c) fi perkhidmatan;
- (b) syer;
- (c) simpanan khas;
- (d) pendapatan pelaburan; atau
- (e) pinjaman, geran dan bantuan.

BAHAGIAN D: ORGANISASI DAN TADBIR URUS

TADBIR URUS

19. Struktur tadbir urus Federasi hendaklah merangkumi perkara-perkara yang berikut –

SKM – BSP/Federasi/GP	GP20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI	10 / 21
--------------------------	--	---------

- (a) Lembaga Federasi Koperasi hendaklah memenuhi kriteria layak dan sesuai sepertimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya;
- (b) pengurusan berasingan daripada Lembaga Federasi Koperasi ;
- (c) Jawatankuasa Audit Dalam yang bebas; dan
- (d) Jawatankuasa lain yang dibentuk seperti Jawatankuasa Pencalonan, Jawatankuasa Pelaburan Koperasi dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko.

KOMPOSISI ANGGOTA LEMBAGA FEDERASI

20. Anggota lembaga Federasi hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya **tiga** dan tidak lebih daripada **lima belas** orang anggota yang terdiri daripada perwakilan yang dipilih oleh mesyuarat agung perwakilan tahunan, sebagaimana menurut seksyen 42 Akta 502.

21. Walau bagaimanapun, setiap Federasi hendaklah menyatakan dengan jelas komposisi anggota Lembaga dalam Undang-undang Kecil Koperasi dan tertakluk kepada ketetapan dan persetujuan Suruhanjaya.

PELANTIKAN Pengerusi Federasi

22. Pelantikan setiap Pengerusi Federasi hendaklah memenuhi kriteria layak dan sesuai serta dipersetujui oleh Suruhanjaya.

23. Bagi mengelak situasi percanggahan kepentingan dalam pengurusan, Pengerusi Federasi tidak dibenarkan memegang jawatan lebih daripada sebuah Federasi sebagai Pengerusi.

24. Pengerusi Federasi adalah merupakan sebahagian daripada Lembaga Apex.

SKM – BSP/Federasi/GP	GP20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI	11 / 21
--------------------------	--	---------

25. Semasa ketiadaan Pengerusi atau Pengerusi tidak berdaya untuk bertindak atas apa-apa sebab, mana-mana anggota Lembaga lain yang ditentukan oleh Suruhanjaya hendaklah menjalankan tugas sebagai Pengerusi menjalankan segala kuasa dan melakukan segala perbuatan yang boleh dijalankan atau dilakukan oleh Pengerusi.

KRITERIA KELAYAKAN

26. Dalam menentukan sama ada seseorang itu layak dan sesuai memegang jawatan Lembaga Federasi, kriteria layak dan sesuai merangkumi **calon individu dan koperasi yang diwakilinya**.

Kriteria Individu

27. Seseorang individu itu adalah seorang yang layak dan sesuai untuk memegang jawatan anggota Lembaga Federasi Koperasi, perhatian hendaklah diberikan terhadap kriteria berikut:

- (a) Kejujuran, reputasi dan integriti peribadi – seseorang hendaklah mempunyai keunggulan peribadi seperti kejujuran, integriti, ketekunan dan kewajaran keputusannya;
- (b) Keupayaan dan kompeten – seseorang hendaklah mempunyai kemahiran sewajarnya, pengalaman, kebolehan dan komitmen untuk melaksanakan tanggungjawab; dan
- (c) Integriti kewangan – seseorang hendaklah mengurus tanggungan atau kedudukan kewangannya secara berhemat.

SKM – BSP/Federasi/GP	GP20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI	12 / 21
--------------------------	--	---------

28. Kriteria lain untuk menjadi anggota Lembaga Federasi hendaklah termasuk:

- (a) berpendidikan minimum akademik di peringkat Diploma;
- (b) berlatarbelakangkan pelbagai pengalaman dengan minimum lima 5 tahun dan pengetahuan bidang kewangan, perakaunan, perundangan serta perniagaan; dan
- (c) berbagai peringkat umur.

Kriteria Koperasi

29. Dalam menjadi anggota Lembaga sesebuah federasi, kriteria koperasi yang diwakili hendaklah mempunyai ciri-ciri berikut–

- (a) prestasi kewangan yang kukuh dan impak signifikan kepada gerakan koperasi;
- (b) syer minimum yang ditentukan;
- (c) Kumpulan Wang Anggota yang positif dengan modal minimum yang ditentukan;
- (d) keuntungan terkumpul positif;
- (e) pematuhan ke atas perundangan yang berkuat kuasa; dan
- (f) kriteria lain ditentukan oleh Suruhanjaya yang dikeluarkan melalui arahan dari semasa ke semasa.

SKM – BSP/Federasi/GP	GP20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI	13 / 21
--------------------------	--	---------

PENENTUSAHAN DAN KELAYAKAN LEMBAGA

30. Federasi hendaklah, sebelum pelantikan atau pelantikan semula anggota Lembaga, mengemukakan penentusahan daripada Suruhanjaya terlebih dahulu sebagaimana yang dinyatakan di bawah GP3: Garis Panduan Pelantikan Atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi.

31. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya boleh membenarkan tempoh sahlaku penentusahan anggota Lembaga Federasi tidak melebihi **tiga (3)** tahun.

32. Lembaga Federasi hendaklah memiliki pengetahuan dan pengalaman yang sewajarnya dalam bidang-bidang sekurang-kurangnya –

- (a) satu pertiga daripada anggota Lembaga hendaklah mempunyai pengalaman dalam bidang sektor ekonomi yang diwakili; dan
- (b) Dua (2) orang daripada anggota Lembaga hendaklah mempunyai pengalaman dalam bidang kewangan dan perundangan. Walau bagaimanapun, perenggan ini tidak terpakai sekiranya anggota Lembaga ini terdiri daripada kalangan anggota Lembaga di bawah para (a) di atas.

PEMEGANGAN JAWATAN ANGGOTA LEMBAGA

33. Tempoh memegang jawatan anggota Lembaga Federasi adalah –

- (a) Menjawab jawatan selama 3 tahun dan layak untuk dilantik semula dalam mesyuarat agung; dan
- (b) Tidak layak untuk dilantik semula setelah memegang jawatan untuk 3 penggal berturut-turut dengan tempoh bertenang selama 1 tahun.

SKM – BSP/Federasi/GP	GP20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI	14 / 21
--------------------------	--	---------

SARAAN ANGGOTA LEMBAGA

34. Pengerusi dan anggota Lembaga lain boleh dibayar elaun dan ganjaran seumpamanya sebagaimana yang diluluskan oleh mesyuarat agung dan Suruhanjaya.

35. Jika Suruhanjaya tidak bersetuju dengan keputusan mesyuarat agung, Suruhanjaya boleh menentukan apa-apa amaun lain yang sewajarnya.

HILANG KELAYAKAN INDIVIDU SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA

36. Tiada seorang pun layak menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga Federasi, sebagaimana yang dinyatakan dibawah seksyen 27 Akta 502, termasuklah —

- (a) telah disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta dan kesalahan boleh daftar sepertimana yang ditafsirkan di bawah seksyen 2 Akta (termasuk fraud, kecurangan atau keburukan akhlak);
- (b) telah dipecat sebagai seorang pegawai sesuatu koperasi;
- (c) menjadi anggota Jawatankuasa Audit Dalaman bagi Federasi ini;
- (d) menerima apa-apa pelantikan tetap yang bergaji dalam Koperasi ini;
- (e) percanggahan kepentingan diri dalam mana-mana aktiviti yang diusahakan oleh Federasi ini;
- (f) tidak lagi menjadi Lembaga di koperasi yang diwakilinya;

SKM – BSP/Federasi/GP	GP20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI	15 / 21
--------------------------	--	---------

- (g) menjadi tidak sempurna akal atau selainnya menjadi tak berupaya untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya; dan
- (h) gagal menghadiri mesyuarat Lembaga sekurang-kurangnya tujuh puluh lima peratus daripada bilangan mesyuarat Lembaga yang diadakan dalam setiap tahun kewangan;

HILANG KELAYAKAN KOPERASI DIWAKILI SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA

37. Tiada suatu koperasi pun layak atau kekal menjadi anggota Lembaga bagi mewakili mana-mana Federasi jika, termasuklah —

- (a) koperasi diwakili telah diambilalih secara kawalan di bawah seksyen 69 Akta 502 ;
- (b) koperasi telah dibatalkan pendaftaran;
- (c) tidak lagi menjadi anggota kepada Federasi yang disertainya; dan
- (d) tidak mematuhi kriteria di para 29.

PELANTIKAN JAWATANKUASA AUDIT DALAMAN (JAD)

38. Menurut seksyen 42A Akta 502, Jawatankuasa Audit Dalaman (JAD) hendaklah terdiri daripada tidak kurang daripada dua dan tidak lebih daripada lima orang anggota yang dilantik oleh Lembaga.

39. JAD Federasi Koperasi hendaklah mematuhi GP4: Garis Panduan Pelantikan dan Fungsi Jawatankuasa Audit Dalaman.

SKM – BSP/Federasi/GP	GP20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI	16 / 21
--------------------------	--	---------

40. JAD Federasi hendaklah mempunyai kepakaran atau pengalaman dalam bidang kewangan, perakaunan atau pengauditan.

BAHAGIAN E: KEPERLUAN KAWAL SELIA

PENGURUSAN RISIKO

41. Federasi Koperasi dikehendaki mempunyai infrastruktur pengurusan risiko yang efisien dan efektif untuk mengenalpasti, mengukur dan mengawal risiko berpotensi dalam aktiviti. Infrastruktur tersebut seharusnya mengandungi, antara lain, perkara-perkara berikut –

- (a) had risiko yang berhemat;
- (b) metodologi bersesuaian bagi mengukur risiko dan pemantauan risiko secara berterusan;
- (c) kekerapan pelaporan pengurusan mengenai risiko tertentu; dan
- (d) sistem pengurusan maklumat yang mencukupi.

42. Infrastruktur berkenaan memerlukan penglibatan aktif Lembaga Federasi Koperasi yang menjalankan aktiviti dan pengurusan untuk memantau dan menilai pengurusan risiko dan prosesnya. Lembaga perlu meluluskan dasar yang konsisten dan selaras dengan strategi perniagaan, kedudukan modal sedia ada, kebolehan pengurusan dan kesediaan federasi mengambil risiko (*risk appetite*). Pengurusan perlu memaklumkan Lembaga mengenai pendedahan risiko dan secara proaktif, mengkaji semula dasar dan prosedur pengurusan risiko federasi seiring dengan perubahan profil risikonya.

SKM – BSP/Federasi/GP	GP20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI	17 / 21
--------------------------	--	---------

43. Kawalan dalaman merupakan komponen penting agar Federasi Koperasi beroperasi dengan baik dan selamat. Kawalan dalaman yang berkesan dan kukuh akan membantu mengurangkan risiko kerugian luar jangkaan dan dapat memastikan supaya objektif federasi dicapai. Lembaga dan pengurusan hendaklah memastikan federasi mengendalikan perniagaannya selaras dengan amalan kawalan dalaman dan mematuhi rangka kerja perundangan dan kawal seliaan yang sedia ada.

Mesyuarat agung perwakilan

44. Federasi hendaklah mengadakan suatu mesyuarat agung perwakilan dengan merujuk kepada Akta Koperasi 1993, Peraturan-Peraturan Koperasi 2010 dan GP14 : Garis Panduan Pengurusan Mesyuarat Agung Tahunan Koperasi.

Keperluan kehematan lain yang ditetapkan

45. Federasi juga hendaklah memenuhi keperluan-keperluan dan syarat-syarat kehematan lain yang ditetapkan Suruhanjaya dan agensi kawal selia yang berkaitan dari semasa ke semasa.

Pembangunan modal insan

46. Federasi hendaklah menyediakan satu program orientasi dan pembelajaran berterusan serta perancangan kerjaya (*career path*) dan penggantian (*succession planning*) untuk pembangunan modal insan. Program tersebut adalah berkaitan dengan pengurusan perniagaan, isu semasa, strategi korporat, perundangan yang relevan dan risiko yang sentiasa berubah-ubah.

Syariah

47. Federasi yang menjalankan aktiviti berlandaskan prinsip-prinsip Syariah hendaklah –

SKM – BSP/Federasi/GP	GP20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI	18 / 21
--------------------------	--	---------

- (a) membentuk suatu Jawatankuasa Syariah yang menjadi rujukan Syariah bagi anggota-anggotanya; atau
- (b) merujuk kepada mana-mana Penasihat Syariah di institusi lain yang diiktiraf untuk memastikan pelaksanaan aktiviti-aktivitinya adalah menurut prinsip-prinsip Syariah.

48. Federasi yang menjalankan aktiviti berlandaskan prinsip syariah hendaklah merujuk GP28 : Garis Panduan Tadbir Urus Syariah.

Kapasiti

49. Federasi berkemampuan menyediakan infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi, modal insan dan pemprosesan aktivitinya.

Keperluan-keperluan lain yang ditetapkan

50. Federasi hendaklah memenuhi keperluan-keperluan dan syarat-syarat lain yang ditetapkan Suruhanjaya dan agensi kawal selia lain yang berkaitan.

OPERASI

Juruaudit luar

51. Federasi hendaklah melantik juruaudit luar di mana pelantikan atau pelantikan semula juruaudit tersebut hendaklah mematuhi Akta Koperasi 1993 dan GP 26: Garis Panduan Juruaudit Yang Diberi Kelulusan Mengaudit Di Bawah Subseksyen 61(1) Akta Koperasi 1993 (Pindaan) 2017.

SKM – BSP/Federasi/GP	GP20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI	19 / 21
--------------------------	--	---------

Pengsumberanluar (Outsourcing) fungsi bukan teras

52. Federasi boleh menggunakan perkhidmatan pihak ketiga bagi fungsi bukan teras. Walau bagaimanapun, federasi hendaklah mempunyai tanggungjawab dan kawalan terhadap fungsi tersebut.

53. Federasi yang menggunakan khidmat pihak ketiga hendaklah memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi –

- (a) pemeriksaan usaha wajar dilaksanakan terhadap pihak ketiga;
- (b) kelulusan Lembaga federasi diperolehi;
- (c) perjanjian perkhidmatan yang komprehensif perlu diadakan;
- (d) akujanji bertulis pihak ketiga disediakan untuk mematuhi peruntukan kerahsiaan; dan
- (e) pelaporan dan mekanisma pemantauan yang teratur diwujudkan.

Aduan pelanggan

54. Federasi hendaklah menyediakan saluran dan mekanisma untuk menangani aduan daripada anggota atau pelanggannya mengenai aktiviti atau perkhidmatan yang dijalankan dan ditawarkan oleh federasi.

Pelaporan

55. Menurut perenggan 14(1)(c) Akta 502, Federasi hendaklah mengemukakan apa-apa maklumat lain yang dikehendaki Suruhanjaya berkenaan dengan

SKM – BSP/Federasi/GP	GP20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI	20 / 21
--------------------------	--	---------

penubuhan, keanggotaan, pengendalian dan kedudukan kewangan koperasi termasuk minit mesyuarat Lembaga.

56. Suruhanjaya boleh dari semasa ke semasa menghendaki Federasi untuk mengemukakan maklumat-maklumat lain sebagai tambahan, jika perlu selaras dengan seksyen 85A Akta.

PEMELIHARAAN KERAHSIAAN

57. Anggota Lembaga, pegawai, pekerja, juruaudit atau mana-mana orang yang mempunyai akses kepada maklumat mana-mana anggota atau pelanggan yang diperoleh dalam melaksanakan perniagaan atau tugas dengan federasi, tidak boleh digunakan untuk kepentingan peribadi dan tidak boleh dizahirkan kepada mana-mana orang tanpa izin anggota atau pelanggan melainkan yang dibenarkan oleh undang-undang bertulis selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010

PEMBATALAN SEBAGAI FEDERASI

58. Mana-mana Federasi boleh dibatalkan status pendaftaran sebagai Federasi apabila berlakunya –

- (a) Federasi gagal menjalankan fungsi dan tanggungjawab sebagai Federasi;
- (b) Federasi dibubarkan pendaftaran di bawah seksyen 71 Akta; dan
- (c) Menarik diri daripada menjadi Federasi dengan mengemukakan permohonan secara bertulis kepada Suruhanjaya.

AM

59. Garis Panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta dan Peraturan. Pengecualian terhadap mana-mana peruntukan dalam garis panduan ini boleh diberikan oleh Suruhanjaya secara bertulis kepada mana-mana Federasi demi kepentingan gerakan koperasi.

SKM – BSP/Federasi/GP	GP20A: GARIS PANDUAN PENUBUHAN DAN PENGOPERASIAN FEDERASI	21 / 21
--------------------------	--	---------

PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

60. Selaras dengan Garis Panduan ini dikeluarkan, maka GP20: Garis Panduan Koperasi Mengenai Federasi Koperasi Kredit bertarikh 30 November 2011 adalah dengan ini dibatalkan.

61. Semua Federasi Koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

62. Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai tarikh ianya dikeluarkan.

“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(HAJI ZAZALI BIN HARON)

Timbalan Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh : 4 Jun 2021

“Peneraju Kecemerlangan Koperasi”